

## PANDUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL

### 1. Syarat Utama

Syarat utama pendaftaran sebagai pembekal dan kontraktor perkhidmatan dan/atau kontraktor kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB):

**Syarikat /Perniagaan yang diperbadankan di Malaysia, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia dan/atau CIDB**

- 1.1 Pemilikan Tunggal
- 1.2 Perkongsian
- 1.3 Perusahaan (Enterprise)
- 1.4 Syarikat Persendirian & Awam Berhad
- 1.5 Firma / Badan-badan professional iaitu Firma Undang-Undang, Akauntan, Juruukur, Jururunding & Jurutera

### 2. Maklumat dan dokumen syarikat/perniagaan

Syarikat yang ingin berdaftar perlu memasukkan (key-in) maklumat lengkap yang terkini dan melampirkan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

- 2.1 Penyata terbaru akaun bank. Nama pemegang akaun bank hendaklah sama dengan nama syarikat yang memohon.
- 2.2 Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia : Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya ada)
- 2.3 Salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) : Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- 2.4 Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sekiranya ada
- 2.5 Maklumat SSM :
  - 2.5.1 Syarikat Persendirian / Awam Berhad : Profail syarikat yang boleh dibeli secara *online* atau daripada pejabat SSM (6 ms)
  - 2.5.2 Syarikat Perusahaan (Enterprise) : Borang D – maklumat perniagaan dan pemilik (3 ms)
- 2.6 Surat Kelulusan Pendaftaran GST yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sekiranya ada.

Pemohon dikehendaki melampirkan semua dokumen sokongan secara online dalam format .pdf di ruangan yang disediakan. Dokumen imbasan hendaklah disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.

### 3. Pengesahan dokumen

Semua salinan dokumen yang dilampirkan hendaklah **disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah/Setiausaha Syarikat/Pegawai Kerajaan Kelas A/Penghulu atau Eksekutif TNB **kecuali** penyata bank perlu disahkan oleh pihak bank berkenaan. Kegagalan untuk memajukan dokumen yang disahkan akan menyebabkan permohonan ditolak.

### 4. Tempoh sahlaku sijil-sijil yang didaftarkan

Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia/CIDB, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan Sijil Perniagaan ROB (SSM) hendaklah tempoh sahlakunya sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan.

Syarikat yang ingin berdaftar dinasihatkan untuk mengemaskini data dengan Kementerian Kewangan Malaysia, CIDB dan PKK kerana semakan lanjut akan dibuat dengan semua sistem rekod berkenaan.

TNB berhak menolak permohonan sekiranya maklumat yang dimajukan bercanggah dengan maklumat/rekod Kementerian Kewangan Malaysia atau CIDB/PKK.

### 5. Fee

Fee adalah **RM 53.00 (termasuk 6% GST)** bagi setiap permohonan baru atau pembaharuan atau pertukaran/pengemaskinian maklumat.

Pemohon yang telah menerima e-mel pengesahan daripada sistem akan menerima inbois bercukai (melalui e-mel) dalam tempoh 3 hari bekerja. Pemohon perlu mencetak inbois bercukai berkenaan dan membuat pembayaran di mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan TNB. Pemohon perlu memajukan resit pembayaran kepada Unit Pendaftaran, Jabatan Shared Purchasing, TNB melalui fax : **03-2776 7900** atau menerusi e-mel : [resit-vendor@tnb.com.my](mailto:resit-vendor@tnb.com.my). Permohonan yang tidak dimajukan resit dalam jangka masa **30 hari** selepas dimajukan inbois bercukai akan dikeluarkan daripada sistem (*delete*).

### 6. Alamat E-mel

Syarikat yang ingin berdaftar hendaklah memastikan bahawa **SEMUA** e-mel rasmi korporat adalah sah dan aktif. Ini adalah penting kerana alamat e-mel korporat akan digunakan untuk fungsi-fungsi berikut dalam sistem SRM:

6.1 Pengeluaran ID pengguna dan kata laluan. Sila pastikan alamat e-mel adalah milik organisasi yang diberi kuasa untuk mengendalikan permohonan kepada TNB dan untuk membuat ID pengguna baru bagi organisasi anda. ID pengguna yang diwujudkan untuk syarikat anda akan memberikan kebenaran kepada kakitangan anda untuk mengemaskini data syarikat anda, memasukkan respon tender, mengambil bahagian dalam lelongan dalam talian serta mewakili organisasi anda untuk berhubung dengan TNB

6.2 E-mel peringatan kepada anda 45 hari sebelum tamat tempoh pendaftaran anda

6.3 E-mel notifikasi untuk memberitahu anda bahawa Pesanan Belian (PO) telah dikeluarkan kepada syarikat anda melalui Portal SRM untuk tindakan anda, dan

6.4 E-mel jemputan untuk menyertai bidaan atau lelongan baru

## 7. Makluman

Pendaftaran dengan TNB melayakkan syarikat tuan/puan untuk menyertai sebutharga/tender yang akan diiklankan oleh TNB sama ada melalui sistem SRM atau melalui laman korporat atau papan tender Bahagian/Stesen/Jabatan TNB.

Salinan sijil pendaftaran hendaklah dikemukakan semasa pembelian sebutharga/tender dan disertakan semasa penyerahan dokumen sebutharga/tender.

Sebarang perubahan kepada syarat-syarat pendaftaran ini adalah hak mutlak TNB.

## 8. Peringatan

Syarikat yang ingin mendaftar perlu menjamin dan memastikan bahawa semua data, maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan semasa permohonan dibuat adalah benar. Memalsukan atau memberikan maklumat atau dokumen meragukan akan menyebabkan permohonan ditolak atau dalam kes di mana kelulusan telah diberikan, akan mengakibatkan pembatalan serta-merta. TNB berhak mengambil tindakan sewajarnya kepada syarikat yang terlibat.

**TENAGA NASIONAL BERHAD TIDAK MEMPUNYAI OBLIGASI UNTUK MENAWARKAN KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN TENAGA NASIONAL BERHAD.**

## 9. Alamat dan Talian Untuk Dihubungi

Unit Pendaftaran, Jabatan Procurement Shared Services, Bahagian Perolehan, Tenaga Nasional Berhad, Aras 10, NU Tower 2, 203, Jalan Tun Sambathan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran syarikat, sila hubungi talian berikut : 03-2776 7921/7922/7923/7924/7925/7926/7905

## 10. Cara Untuk Mendaftar Sebagai Pembekal

Pendaftaran pembekal boleh dilakukan melalui laman web korporat TNB:

<http://www.tnb.com.my>

Laluan :

**Klik pada pautan Supplier >Register as TNB Supplier >Registration of Supplier (ROS)**

Atau melalui URL: <http://www.tnb.com.my/suppliers/register-as-tnb-supplier.html>